

BERITA HARIAN

DATE: 28/08/2007

Pendidikan diberi tak kira bangsa

BH - 28/8/2007

KUALA LUMPUR: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata kerajaan mengambil pelbagai langkah bagi memastikan setiap rakyat menerima pendidikan asas secukupnya tanpa mengambil kira latar belakang dan perbezaan bangsa serta agama.

Katanya, setiap rakyat di negara ini mempunyai hak untuk menikmati tahap pendidikan yang terbaik melalui prinsip pendemokrasian bidang pendidikan yang diamalkan di negara ini sejak dari dulu lagi.

"Di Malaysia, kita sentiasa memastikan setiap lapisan rakyat mendapat pendidikan sempurna, dengan sekurang-kurangnya menerima pendidikan pada peringkat sekolah selama 17 tahun, dari peringkat rendah hingga ke sekolah menengah (Tingkatan 5).

"Ini penting bagi memastikan rakyat dapat meningkatkan taraf hidup masing-masing, selain mewujudkan budaya pemikiran cemerlang yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri makan malam Persatuan Eksekutif Perniagaan (ABE) sempena Majlis Penganugerahan Pingat Emas Edward de Bono Antarabangsa di salah sebuah hotel terkemuka di ibu negara, malam tadi.

Hadir sama isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor; Pengasas ABE, Lindon Jones dan Presiden ABE, Dr Edward de Bono.

Najib berkata, cabaran utama yang dihadapi rakyat ketika ini, terutama golongan muda bukan lagi peperangan tentera, sebaliknya peperangan dari segi corak pemikiran.

"Justeru, kerajaan sentiasa meletakkan bidang pendidikan sebagai keutamaan dalam mengubah corak pemikiran rakyat. Jika rakyat memiliki pendidikan secukupnya dan menggunakan secara betul, mereka tidak akan mengikut jalan yang salah.

"Bapa saya (Allahyarham Tun Ab-



DIKTIRAF: Najib menerima Pingat Emas Edward de Bono Antarabangsa daripada Dr Edward (kiri) sambil diperhatikan Lindon (dua dari kiri) di Kuala Lumpur, malam tadi.

dul Razak) sendiri adalah Menteri Pendidikan pertama, yang banyak memulakan perkembangan bidang pendidikan di negara ini. Oleh itu, apa yang diperjuangkan oleh beliau tidak harus berhenti di sini tetapi perlu diteruskan hingga ke generasi akan datang," katanya.

Pada majlis yang sama, Najib turut menerima anugerah berkenaan sebagai pengiktirafan di atas sumbangannya terhadap pembangunan dan penambahbaikan bidang pendidikan pada peringkat nasional dan antarabangsa.

Anugerah Pingat Emas Edward de Bono Antarabangsa diberikan kepada tokoh atau individu yang banyak menyumbang kepada usaha meningkatkan kualiti dan kecemerlangan pendidikan di sesebuah negara.

Sementara itu, Jones dalam ucapannya, berkata Najib memainkan peranan penting dalam membantu perkembangan bidang pendidikan di negara ini, selain mempromosikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan terulung pada peringkat antarabangsa.

“Bapa saya (Allahyarham Tun Abdul Razak) sendiri banyak memulakan perkembangan bidang pendidikan di negara ini. Oleh itu, apa yang diperjuangkan oleh beliau tidak harus berhenti di sini”

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri